

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI  
MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan pemegang Lesen Memandu Kompeten atau CDL bagi Kelas B, B1, B2 dan D bagi Warga Emas (berumur 60 tahun dan ke atas) rakyat negara ini dan nyatakan jumlah kes kemalangan jalan raya termasuk yang melibatkan kematian membabitkan pemandu warga emas bagi tempoh lima tahun 5 tahun iaitu dari 2017 hingga terkini 2021.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sehingga 13 Oktober 2021, jumlah pemegang lesen CDL yang direkodkan di dalam sistem mySIKAP JPJ secara keseluruhan bagi warga emas yang berumur 60 tahun ke atas adalah berjumlah 2,160,458. Statistik ini turut mengambil kira pemegang lesen CDL yang mempunyai pelbagai kelas lesen contohnya memiliki Lesen Memandu Kelas B2 dan D secara bersekali.

Mengikut pecahan kelas lesen pula, sebanyak 1,355,208 adalah pemegang lesen memandu motosikal (Kelas B, B1 dan B2) manakala 1,951,204 adalah bagi Motokar (Kelas D dan DA).

Jumlah kes kemalangan jalan raya yang melibatkan kematian membabitkan pemandu berumur 60 tahun ke atas dari tahun 2017 hingga tahun 2020 adalah sebanyak 3693 kematian ataupun lebih kurang 15% daripada 23,825 kematian bagi tempoh tersebut.